

FUCHS PETROLUBE (MALAYSIA) SDN. BHD., B-02-01, Aras 2, Blok B, PJ8, Jalan Barat, 46200
Petaling Jaya, Malaysia

Versi 06/2018

Syarat-syarat Pembelian Umum

Terguna pakai pada urusan niaga perniagaan dengan syarikat-syarikat, entiti-entiti undang-undang awam dan aset-aset undang-undang awam berasingan.

1. Komen-komen Umum

1.1. Syarat-syarat pembelian kami terguna pakai secara eksklusif; kami tidak mengiktiraf Terma dan Syarat dari pembekal yang berlawanan atau berbeza dari syarat-syarat pembelian kami melainkan kami telah memberikan kebenaran eksplisit secara bertulis bahawa ianya sah. Syarat-syarat pembelian kami akan terguna pakai walaupun kami menerima dan membayar hantaran produk dan perkhidmatan dari pembekal (selepas ini dirujuk sebagai "perkara yang dibincangkan kontrak") tanpa syarat dengan pengetahuan syarat-syarat pembekal berlawanan atau berbeza dari syarat-syarat pembelian kami.

1.2. Syarat-syarat pembelian kami akan terguna pakai pada semua penghantaran yang dilakukan dan perkhidmatan yang diberikan kepada kami di masa depan oleh pembekal sehingga Terma dan Syarat Pembelian baru kami berkuat kuasa.

2. Kontrak – Perubahan – Dokumen-dokumen

2.1. Semua perjanjian yang dibuat antara kami dan pembekal akan dinyatakan dalam perjanjian ini. Perubahan atau pindaan pada teks hanya akan sah selepas pengesahan kami secara bertulis.

2.2. Sekiranya pembekal tidak menerima tempahan pesanan dalam tempoh dua minggu selepas penerimaan, kami berhak untuk membatalkan pesanan tersebut. Permintaan untuk penghantaran menjadi terikat melainkan pembekal menolak dalam lima hari bekerja selepas penerimaan.

2.3. Kami memegang hak untuk dan hak cipta gambar-gambar, lukisan-lukisan, pengiraan-pengiraan dan dokumen-dokumen lain; ia tidak boleh disediakan kepada pihak-pihak ketiga tanpa kebenaran bertulis kami yang jelas. Ia hendaklah digunakan secara eksklusif untuk pengilangan pesanan kami; selepas pesanan diproses, ia hendaklah dipulangkan kepada kami tanpa diminta. Ia hendaklah diuruskan dengan kerahsiaan dengan pihak-pihak ketiga; tambahan lagi, bahagian 10.4. akan jadi sah.

3. Harga – Syarat-syarat bayaran – Invois

3.1. Harga yang dinyatakan pada pesanan akan menjadi terikat. Dalam ketiadaan persetujuan bertulis akan sebaliknya, harga akan dibayar khas 'ex works' (DDP mengikut *Incoterms* 2010) termasuk bungkusan. Harga tidak termasuk cukai nilai tambahan. Pemulangan pembungkusan memerlukan persetujuan asing.

3.2. Kami hanya boleh memproses invois jika ianya, mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam pesanan atau permintaan penghantaran kami, mengandungi nombor pesanan. Satu salinan invois hendaklah dihantar ke alamat yang dicetak masing-masing dan hendaklah mengandungi nombor invois dan ciri-ciri lain yang memudahkan peruntukan; invois tidak boleh dihantar dengan penghantaran barang. Sebarang akibat yang timbul dari ketidakpatuhan peraturan-peraturan ini hendaklah ditanggung oleh pembekal melainkan dia boleh membuktikan bahawa dia tidak bertanggungjawab.

3.3. Melainkan perjanjian berasingan telah dilakukan, invoice hendaklah dibayar sama ada dalam tempoh 14 hari tertakluk pada penolakan rebat 2% untuk bayaran awal atau dalam tempoh 30 hari tanpa penolakan selepas tarikh tamat permintaan untuk bayaran tersebut dan penerimaan invoice serta barangan atau pemberian perkhidmatan. Bayaran hendaklah dibuat mengikut perakaunan invoice.

3.4. Kami mempunyai hak untuk mengimbang dan terhadap hak pemegang ke tahap yang dibenarkan oleh undang-undang.

4. Penghantaran

4.1. Penyimpangan dari kontrak dan pesanan yang dipersetujui hanya akan diterima dengan kebenaran bertulis kami terlebih dahulu.

4.2. Tempoh tamat dan/atau garis masa adalah terikat dan menjadi dasar antara kedua-dua pihak kontrak.

4.3. Ketibaan barangan di premis kami yang menentukan sama ada tarikh atau tempoh penghantaran telah dipatuhi. Melainkan penghantaran telah dipersetujui 'ex works' (DAP atau DDP mengikut *Incoterms* 2010) pembekal perlu menyediakan barangan tersebut dalam masa yang sesuai dengan mengambil kira masa yang diperlukan untuk memuat naik barangan dan menghantar yang dipersetujui dengan penghantar.

4.4. Pembekal wajib untuk memaklumkan kami dengan segera secara bertulis jika berlaku keadaan-keadaan atau jika dia sedar akan keadaan-keadaan yang akan membawa ke ketidakpatuhan masa penghantaran.

4.5. Jika tarikh dan/atau tempoh penghantaran yang dipersetujui tidak dipatuhi, kami mempunyai tuntutan yang sah. Secara khususnya, kami berhak, selepas tamat tempoh yang wajar tanpa hasil, untuk menuntut kerosakan daripada barangan/perkhidmatan dan untuk meminta pembatalan. Jika kami menuntut kerosakan, pembekal mempunyai hak untuk membuktikan pada kami bahawa dia tidak bertanggungjawab atas pelanggaran tugas tersebut.

4.6. Penerimaan tanpa syarat akan penghantaran lewat barangan atau perkhidmatan tidak bermaksud bahawa kami telah mengetepikan hak kami untuk menuntut kerosakan yang disebabkan ke atas kami kerana penghantaran lewat barangan atau perkhidmatan..

4.7. Penghantaran yang tidak penuh secara prinsipnya tidak diterima melainkan kami telah memberikan kebenaran eksplisit kami secara bertulis dan kami boleh menerimanya dengan sewajarnya.

5. *Force Majeure*

Force Majeure, mogok, kerosakan loji yang tidak disebabkan oleh sesiapa, kekacauan, peraturan-peraturan pihak berkuasa awam dan keadaan-keadaan lain yang tidak boleh dielakkan memberi kami hak – walaupun hak-hak kami yang lain – untuk membatalkan kontrak secara penuh atau secara sebahagian jika keadaan-keadaan ini berterusan untuk tempoh masa yang agak panjang dan menyebabkan penurunan besar dalam permintaan kami.

6. Pemindahan Risiko

Melainkan terdapat persetujuan bertulis berlawanan dengannya, pembekal akan menanggung risiko sehingga barangan telah diterima oleh kami atau oleh orang yang dibenarkan oleh kami di tempat yang mana, barangan tersebut akan dihantar, mengikut pesanan tersebut.

7. Pemeriksaan Kecacatan –Liabiliti untuk Kecacatan

7.1. Penerimaan barangan tertakluk pada pemeriksaan kami untuk memastikan ia bebas dari kecacatan. Melainkan terdapat sebarang perjanjian berlawanan dengannya, selepas penerimaan, barangan tersebut akan diperiksa oleh kami hanya untuk kerosakan luar yang boleh dilihat dan penyimpangan berhubung identiti dan kuantiti yang boleh dilihat dari luar. Kami berhak untuk memeriksa perkara yang dibincangkan kontrak sejauh dan secepat ianya boleh dilakukan dan segaris dengan tatacara perniagaan yang bersesuaian. Selepas penemuan, kami akan memaklumkan pembekal akan sebarang kecacatan; makluman tersebut dikira sebagai dilakukan tepat pada masa sekiranya ia diterima oleh pembekal dalam tempoh lima hari bekerja dari penerimaan barangan atau, dalam kes kecacatan yang tersorok, selepas penemuan kecacatan tersebut. Dalam kes tersebut, pembekal menyetujui haknya untuk membuat bantahan dalam menuntut makluman kecacatan yang lewat.

7.2 Melainkan terdapat sebarang perjanjian yang berlawanan dengannya, selepas penemuan dan/atau makluman akan sebarang kecacatan dan/atau kecacatan tersorok oleh kami kepada pembekal seperti yang dinyatakan dalam bahagian 7.1 di atas, kami tidak tertakluk untuk memulangkan barangan yang ditolak kepada pembekal.

7.2. Akta Jualan Barangan 1957 dan/atau peraturan-peraturan berkanun yang lain berhubung kecacatan kualiti atau hak terguna pakai pada kami melainkan peruntukan-peruntukan yang berlawanan dengannya dinyatakan di bawah; dalam apa-apa keadaan pun, kami berhak untuk meminta pembekal sama ada menyelesaikan kecacatan tersebut atau menghantar barangan baru. Kami dengan jelas mempunyai hak untuk menuntut kerosakan, secara khususnya hak untuk menuntut kerosakan sebagai ganti perkhidmatan.

7.3. Dalam kes-kes kecemasan, khususnya untuk mengelakkan bahaya teruk atau untuk mengelakkan kerosakan yang lebih besar, kami berhak untuk menyelesaikan kecacatan tersebut dengan sendiri atau meminta pihak ketiga untuk menyelesaikannya dengan perbelanjaan pembekal jika ianya mustahil untuk memberi pembekal peluang membuat pelaksanaan tambahan.

7.4. Sebarang tuntutan berkenaan kecacatan kualiti jatuh di bawah batasan statut dalam tempoh 6 tahun bermula dari penghantaran perkara yang dibincangkan kontrak.

7.5. Jika kecacatan perkara yang dibincangkan kontrak menaikkan perbelanjaan, secara khususnya pada kos pengangkutan, perjalanan, buruh atau bahan atau pada kos-kos yang disebabkan oleh barangan mendapat pemeriksaan yang melebihi tahap biasa, oleh itu pembekal akan menanggung kos-kos ini.

7.6. Jika, disebabkan kecacatan perkara yang dibincangkan kontrak dihantar kepada kami oleh pembekal, kami wajib untuk menarik semula barangan yang dihasilkan dan/atau dijual oleh kami atau jika, disebabkan ini, mana-mana tuntutan lain dibuat ke atas kami, kami berhak untuk mencari jalan keluar dengan pembekal. Berdasarkan hak kami berhubung kecacatan, kami tidak perlu untuk membuat tuntutan kami dalam tempoh masa yang ditetapkan, yang mana jika tidak ianya diperlukan.

7.7. Kami boleh meminta agar pembekal membayar ganti rugi kepada kami untuk perbelanjaan yang kami perlu tanggung berhubung dengan para pelanggan kami kerana mereka berhak untuk membuat tuntutan terhadap kami dari kos yang meningkat disebabkan tindakan retrospektif tersebut, secara khususnya kos pengangkutan, perjalanan, buruh dan bahan, jika kecacatan tersebut sudah wujud semasa risikonya dipindahkan ke kami.

7.8. Walaupun peruntukan yang ditetapkan di bawah bahagian 7.4. (batasan statut untuk tuntutan berkenaan kecacatan), kes-kes yang dirujuk bawah bahagian 7.6. dan 7.7. jatuh di bawah batasan statut yang sama, yang mana kami telah memenuhi tuntutan yang dibuat kami oleh para pelanggan kami dan, selewat-lewatnya, enam tahun selepas penghantaran dibuat oleh pembekal.

8. Waranti Produk – Pelepasan – Insurans Ganti Rugi

8.1. Pembekal bertanggungjawab untuk kecacatan produk, dia diwajibkan untuk melepaskan kami dari sebarang tuntutan untuk kerosakan yang dilakukan oleh pihak ketiga dengan permintaan pertama kami kerana kecacatan ini berlaku dalam domain dan kawasan organisasinya dan dia sendiri bertanggungjawab dengan pihak-pihak ketiga. Sekiranya ia berlaku, pembekal akan menanggung semua kos dan perbelanjaan termasuk kos sebarang prosedur undang-undang atau tindakan panggilan semula yang mungkin terjadi. Kami akan – sejauh yang mungkin dan sejauh yang kami dijangka untuk melakukannya – memaklumkan pembekal akan kandungan dan tahap langkah-langkah panggilan semula yang perlu dijalankan dan kami akan berikan dia peluang untuk menjelaskan dari sisinya. Tuntutan berkanun lain akan kekal tidak terjejas.

8.2. Pembekal berjanji untuk mengekalkan insurans waranti produk dalam jumlah yang munasabah; jika kami berhak ke atas kerosakan lanjut, hak-hak kami tidak akan terjejas.

9. Hak-hak Perlindungan

9.1. Pembekal hendaklah memastikan, tiada hak pihak ketiga akan dilanggar, berhubung dengan penghantarannya.

9.2. Jika, berkenaan perkara tersebut, tuntutan dari pihak ketiga dibuat ke atas kami, pembekal akan, dengan permintaan bertulis oleh kami, wajib untuk melepaskan kami dari sebarang tuntutan yang sedemikian; kami tidak berhak untuk memasuki sebarang perjanjian dan, secara khususnya, membuat aturan dengan pihak ketiga tersebut tanpa pembekal memberikan kebenarannya.

9.3. Tugas pembekal untuk melepaskan kami dari tuntutan merujuk pada semua perbelanjaan yang mungkin timbul untuk kami dari atau berhubung dengan permintaan dari sesuatu pihak ketiga.

9.4. Tempoh pengehadan adalah selama lima tahun bermula dari penyimpulan kontrak.

10. Pemegangan Hak – Membekalkan Bahagian-bahagian – Alat-alat – Kerahsiaan

10.1. Kami akan memegang hak mana-mana barangan yang diberikan kepada kami oleh pembekal. Pemprosesan atau transformasi perkara ini oleh pembekal akan dijalankan bagi pihak kami. Jika bahagian-bahagian yang kami pegang haknya diproses bersama dengan item-item lain yang tidak menjadi milik kami, kami memperoleh hak milikan bersama bahagian-bahagian baru ini dalam kadar nilai bahagian-bahagian kami (harga pembelian tambah Cukai Jualan) dengan item-item lain yang diproses pada masa pemprosesan.

10.2. Jika item yang diberikan kepada kami bercampur tanpa boleh diasingkan dengan item-item lain yang bukan milik kami, kami memperoleh hak milikan bersama akan item baru ini dalam kadar nilai item yang kami pegang haknya (harga pembelian tambah Cukai Jualan) dengan item-item lain yang bercampur pada masa campuran. Jika campuran tersebut dijalankan dengan cara item pembekal dianggap sebagai item utama, ia dikira sebagai sudah dipersetujui bahawa pembekal memindahkan milikan bersama kepada kami berdasarkan pro rata; pembekal akan menyimpan milikan tunggal atau bersama bagi pihak kami.

10.3. Kami akan memegang hak alat-alat; pembekal wajib untuk menggunakan alat-alat tersebut secara eksklusif bagi pengeluaran barangan yang dipesan oleh kami. Adalah menjadi tanggungjawab pembekal untuk menjamin alat-alat yang menjadi milik kami dari kerosakan melalui api, air dan kecurian dengan perbelanjaannya sendiri dan berdasarkan nilai asalnya. Pada masa yang sama, pembekal hendaklah meletakkan pada titik ini semua tuntutan pampasan dari insurans ini kepada kami; dengan ini kami menerima peletakan ini. Pembekal diwajibkan untuk menjalankan semua kerja penyelenggaraan dan pemeriksaan yang perlu serta semua kerja penyelenggaraan dan pembaikan pada kosnya sendiri dan dalam masa yang bagus. Dia hendaklah memaklumkan kami secara langsung akan sebarang insiden; jika, dengan sengaja, dia gagal untuk berbuat demikian, tuntutan untuk kerosakan akan kekal tidak terjejas.

10.4. Pembekal wajib untuk menguruskan semua gambar-gambar, lukisan, pengiraan dan dokumen-dokumen dan maklumat lain dengan kerahsiaan yang ketat. Ia hanya boleh didedahkan pada pihak-pihak ketiga hanya dengan kebenaran eksplisit kami. Tanggungjawab kerahsiaan juga terguna pakai selepas kontrak ini diselesaikan; ia akan tamat apabila dan sejauh mana pengetahuan pengeluaran tersebut termasuk gambar-gambar, lukisan-lukisan pengiraan-pengiraan dan dokumen-dokumen lain telah menjadi pengetahuan umum.

10.5. Jika hak-hak keselamatan, yang mana disebabkan oleh kami mengikut bahagian 10.1 dan/atau bahagian 10.2, melebihi harga pembelian semua barangan yang masih belum dibayar yang mana kami memegang hak lebih dari 10 peratus, kami wajib untuk melepaskan hak-hak keselamatan atas permintaan pembekal dan mengikut pilihan kami.

11. Bidang Kuasa – Tempat Pelaksanaan

11.1. Jika pembekal merupakan pedagang bebas, tempat bidang kuasa adalah tempat di mana syarikat kami mempunyai pejabat-pejabat berdaftar; bagaimanapun, kami juga berhak untuk menyaman pembekal dalam mahkamah yang bertanggungjawab untuk daerah yang mana pembekal mempunyai tempat perniagaan dan/atau kediamannya.

11.2. Tempat pelaksanaan ialah tempat di mana, barangan tersebut akan dihantar, mengikut pesanan tersebut.

12. Peruntukan-peruntukan umum

12.1. Jika mana-mana peruntukan dari syarat-syarat ini dan mana-mana perjanjian lanjut yang dimasuki akan menjadi atau menjadi tidak berkesan, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, dengan ini kesahan peruntukan-peruntukan lain tidak akan terkesan darinya.

12.2. Syarat-syarat Pembelian Umum ini boleh didapati dalam Bahasa Malaysia dan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan, versi bahasa Inggeris Syarat-syarat Pembelian Umum akan mengatasi.

12.3. Berkenaan hubungan kontrak, undang-undang Malaysia akan terguna pakai secara eksklusif kecuali peruntukan-peruntukan Percanggahan Undang-undang dan Konvensyen Kontrak Negara-negara Bersatu bagi Jualan Barangan Antarabangsa (CISG).

13. Perlindungan Data Peribadi

13.1 Pembeli mengakui dan memahami bahawa data peribadi para pemegang saham, pengarah, kakitangan, kontraktor dan/atau ejen ("Orang Berkaitan") boleh dikumpul dan diproses oleh kami untuk tujuan berkaitan dengan pelaksanaan perjanjian ini dan tujuan perniagaan lain yang sah ("Tujuan"). Sekiranya data peribadi didedahkan kepada kami, pihak pembekal menunjukkan dan menjamin bahawa kebenaran-kebenaran yang sesuai telah diperolehi dari Orang-orang Berkaitan atau ia berhak untuk memberikan data peribadi kepada kami dan membenarkan kami memproses data peribadi tersebut untuk Tujuan tersebut.

13.2 Terma "data peribadi" dan "proses" akan mempunyai maksud yang telah ditetapkan dalam Bahagian 4 Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 ("PDPA").